

MEMO

KEPADA : Semua Penyewa PBKSB
DARIPADA : Pengurus Hartanah
TARIKH : 6 April 2023
PERKARA : Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Pangkalan Bekalan Petroleum Kemaman (PBPK)

Perkara di atas adalah dirujuk.

Berkuatkuasa serta-merta, syarikat penyewa yang ingin memasang kamera litar tertutup (CCTV) di premis sewaan masing-masing perlulah membuat permohonan bertulis beserta spesifikasi lengkap kepada Jabatan Hartanah. Walau bagaimanapun, perkara ini hanyalah tertakluk kepada pemasangan di kawasan terbuka premis sewaan sahaja, manakala pemasangan dalam premis sewaan seperti Gudang dan Pejabat adalah dikecualikan.

Bagi pelanggan yang telahpun memasang CCTV, pihak tuan dikehendaki menghantar surat makluman bertulis lengkap selewat-lewatnya 31 Mei 2023.

Seperti sedia maklum, PBPK merupakan salah satu kawasan sasaran penting yang digazetkan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Oleh yang demikian, kerjasama daripada pihak tuan amatlah perlu bagi tujuan perekodan data CCTV dalam kawasan PBPK.

Surat makluman berkaitan dan permohonan (*hardcopy*) bolehlah diserahkan kepada Jabatan Hartanah atau e-mel kepada property_ksb@epicgroup.com.my

Sekian, terima kasih.

"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"



ZAMRI BIN AWANG @ ABDUL GHANI



KSB
KEMAMAN SUPPLY BASE

PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN. BHD.